

# BERBAGAI REAKSI TIM TERHADAP LAWATAN MAHATHIR KE KELANTAN

Oleh  
Zaini Hassan



SETELAH berjaya memerintah Kelantan, kerajaan pimpinan Haji Nik Aziz Nik Mat mengambil sikap mahu baik-baik dengan Kuala Lumpur. Tetapi Kerajaan Pusat nampaknya mengambil sikap sebaliknya.

Ini menampakkan terdapat suasana politik yang tegang antara kerajaan Negeri Kelantan dengan Kerajaan Pusat. Menjadi lebih terang lagi apabila Perdana Menteri Qato' Sri Dr. Mahathir pergi ke Kota Bharu hanya untuk menghadiri mesyuarat perhubungan UMNO dan berjumpa dengan orang-orang dalam partinya sahaja beberapa bulan lalu.

Tetapi pada hari Khamis depan Perdana Menteri akan mengadakan lawatan rasmi ke negeri itu, lawatan rasminya yang pertama sejak Kelantan jatuh ke tangan pembangkang selepas pilihanraya umum lalu.

Lawatan ini sudah tentu menimbulkan berbagai reaksi serta harapan. Apa pendapat orang-orang Kelantan tentang lawatan ini.

Di kalangan para peniaga dan usahawan, lawatan rasmi Perdana Menteri pada 30 Mei ini, disambut dengan reaksi yang positif.

Golongan ini berharap, moga-moga lawatan tersebut adalah permulaan untuk memberi nafas baru kepada dunia perniagaan mereka — setelah mereka mendakwa suasana malap menyelubungi kegiatan tersebut dalam tempoh enam bulan kebelakangan ini.

Bagaimanapun, di kalangan ahli politik pembangkang, mereka melihat lawatan rasmi tersebut sebagai suatu 'jambatan permulaan' ke arah untuk menggugat parti dan kedudukan mereka. Ada di antaranya yang bertanya, "Apakah tujuan di sebalik lawatan tersebut...?"

Yang lebih nakal lagi berkata, kedatangan Perdana Menteri itu ialah untuk baik-baik dengan Menteri Besar Kelantan Haji Nik Aziz — teraju Kerajaan Kelantan pimpinan Pas, dalam usaha menariknya membentuk kerajaan campuran dengan Barisan Nasional (BN) dan sekaligus mengeneppikan Semangat 46.

Dalam pada itu pula, melalui tinjauan yang dijalankan ke atas penduduk tempatan berhubung lawatan Perdana Menteri itu, mereka berkata, "demi pembangunan... kita tolaklah dahulu tembok politik."

Boleh dikatakan pelbagai reaksi dapat didengar bersempena dengan lawatan rasmi sehari Perdana Menteri ke negeri ini, selepas kerajaan BN kecundang (tanpa memperolehi satu kerusi pun) dalam pilihanraya umum tahun lalu.

Walau bagaimanapun reaksinya, agenda utama Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ke negeri ini ialah untuk merasmikan Jambatan Pasir Mas-Salor, salah satu projek pembangunan Kerajaan Perse-

kutuan untuk negeri ini yang berharga \$19 juta.

Cuma apa yang ditunggu-tunggu oleh rakyat di negeri ini ialah satu pengumuman penting yang akan dibuat oleh Perdana Menteri di hadapan Haji Nik Aziz Nik Mat di majlis perasmian tersebut.

"Apakah dia benda yang penting itu, biar Dato' Seri sendiri mengumumkannya," kata Menteri Belia dan Sukan selaku Timbalan Pengerusi UMNO Kelantan, Senator Haji Annuar Musa dalam satu majlis di sini baru-baru ini.

Setiausaha Dewan Perniagaan Cina Kelantan, Encik Lim Hong

'Kedatangan Perdana Menteri dijangka akan memulakan cahaya baru kepada peniaga dan rakyat di negeri ini kerana dalam tempoh enam bulan ini banyak pekerja telah menganggur dan perniagaan mulai merosot'

Sang berkata: "Kedatangan Perdana Menteri dijangka akan memulakan cahaya baru kepada peniaga dan rakyat di negeri ini, kerana dalam tempoh enam bulan ini, banyak pekerja telah menganggur dan perniagaan mulai merosot.

"Ditambah pula kuasa membeli juga turut menjadi lemah..." jelasnya.

Encik Lim berharap, dengan lawatan tersebut, Kerajaan Pusat dapat merancang lebih banyak projek supaya para peniaga dan usahawan Kelantan dapat menjalankan kegiatan mereka sebagaimana

na kerajaan BN memerintah dulu.

Pemimpin UMNO negeri pula menyifatkan lawatan tersebut amat simbolik dan menunjukkan bahawa Perdana Menteri tetap memberikan perhatian utama terhadap pembangunan rakyat negeri ini.

"Ini bukanlah lawatan yang berbau politik kepartian, ia adalah langkah permulaan untuk membawa pembangunan ke dalam negeri ini," tegas Ketua UMNO Bahagian Tumpat yang juga bekas Exco kerajaan negeri yang lalu, Haji Mansor Salleh.

Sementara seorang pegawai tinggi Kerajaan Pusat yang berpejabat di sini juga menyifatkan lawatan Perdana Menteri itu sebagai sesuatu yang unik dan perlu disanjung.

"Jarang sekali ada ketua negara yang sanggup bersusah payah dan mengambil tahu nasib sebuah negeri yang mana rakyatnya telah menolak kepimpinan pusat," jelas beliau, yang enggan disiarkan namanya.

Malah, Menteri Besar Kelantan juga berkata, lawatan rasmi Perdana Menteri itu sebagai membuktikan demokrasi benar-benar diamalkan di negara ini.

Haji Nik Aziz berharap, kerajaan Pusat akan memberikan kerjasama dengan kerajaannya terutama dalam melaksanakan projek pembangunan di negeri ini.

"Kelantan juga adalah sebahagian daripada anggota Malaysia, jika salah satu daripada anggota ini tidak berfungsi, maka keseluruhan tubuhnya juga akan turut terjejas," jelas beliau yang membayangkan hasrat ingin berbaik-baik dengan Pusat.

Haji Nik Aziz dijangka hadir di majlis perasmian jambatan tersebut setelah menerima surat jemputan rasmi dari Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kerjaraya beberapa hari lalu.

Pengerusi Badan Perhubungan Semangat 46 Kelantan, Haji Rozali Isohak melalui satu temuramah berkata, lawatan Perdana Menteri ke negeri ini tidak lain dari hanya membuka sebuah jambatan.

"Bagaimanapun, sebagai parti pembangkang, kita tetap memerhati segala tindak tanduk parti lawan," tegas Timbalan Menteri Besar Kelantan itu.

Mungkin juga langkah berhati-hati beliau itu kena pada tempatnya, kerana bersempena dengan lawatan tersebut juga, Perdana Menteri akan menerima borang keahlian UMNO daripada kira-kira 30,000 bekas ahli Semangat 46 di satu majlis di Bangunan UMNO negeri di sini.

Seorang penduduk di Kampung Kelar yang berhampiran dengan Jambatan Pasir Mas-Salor, Encik Mohd Zain Che Ahmad, 50, berkata, pembinaan jambatan itu adalah satu rahmat dan para penduduk harus bersyukur menerimanya.

"Jangan kita fikirkan apakah pembinaan jambatan itu berbau politik atau tidak. Apa yang perlu difikirkan sekarang ialah kemudahan tersebut harus digunakan sebaik mungkin," jelas beliau — seorang penyokong kuat Parti Semangat 46 di kampung tersebut.